

SOALAN NO: 54**PARLIMEN MALAYSIA**
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]****TARIKH : 26 Julai 2017****SOALAN : Ir. Shaharuddin Bin Ismail minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

adakah Kementerian akan bercadang untuk menyediakan bantuan atau insentif bagi meringankan beban nelayan seperti bantuan enjin, pukot serta kemudahan jeti yang lebih sistematik dan apakah Kementerian sedar pemberian bantuan ini akan meringankan lagi bebanan golongan nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lemabaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sememangnya telah menyediakan pelbagai bantuan dan insentif sama ada dalam bentuk ekonomi dan sosial dalam membantu meringankan beban nelayan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Program pinjaman mudah kepada nelayan bagi pembelian bot dan peralatan baru atau meningkatkan keupayaan bot sedia ada;
- ii. Bantuan infrastruktur dan latihan modal insan melalui program azam tani dan *touch point*;
- iii. Pembinaan dan menaiktaraf sebanyak 342 jeti dan 45 kompleks pendaratan ikan di seluruh negara;
- iv. Pemberian elaun sara hidup kepada nelayan pada kadar RM250 hingga RM300 sebulan;
- v. Penyediaan insentif hasil tangkapan ikan pada kadar RM0.10 hingga RM0.20 sekilogram kepada pemilik vesel yang mendaratkan hasil tangkapan di pusat-pusat pendaratan yang telah ditetapkan;

- vi. Pelaksanaan skim subsidi diesel dan petrol nelayan bagi menampung sebahagian kos operasi penangkapan ikan susulan kenaikan harga bahan api;
- vii. Pemberian bantuan dan sumbangan segera kepada nelayan yang terlibat dengan kemalangan atau musibah melalui Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan;
- viii. Program insurans nelayan bagi membela nasib keluarga nelayan; dan
- ix. Pelaksanaan Projek Khas Perumahan Nelayan bagi membantu nelayan memiliki kediaman yang selesa dan selamat.

Melalui maklumbalas positif yang telah diterima melalui pelaksanaan program-program tersebut, Kementerian sememangnya sedar bahawa pelaksanaan bantuan serta insentif yang telah diberikan secara amnya mampu meringankan beban golongan nelayan. Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga sedang menjalankan bancian sosio ekonomi nelayan dan data isi rumah bagi menilai sejauh mana program-program yang telah dilaksanakan memberi impak kepada tahap kesejahteraan sosial nelayan.